

GEMPAK.

WEEKLY EDITION

300

43

300

AURA, VICE VERSA

Tun Laila

TUN LAILA

Pertama kali bertentang mata dengan mempengaruhi, Tun Laila aura seorang peguam itu sangat dapat dirasai.

Namun pada ucapan salam yang pertama, wataknya yang dilihat dalam sosial media sangat berbeza dengan realiti.

Ujar pemilik nama Tun Laila Tun Rafee, 26, ramai yang mungkin berfikir dia seorang gadis yang sangat tegas kerana kariernya sebagai seorang peguam namun disisi yang lain dia adalah seorang gadis yang sangat ceria.

"Saya sebenarnya seorang yang sangat ceria, banyak cakap dan budak-budak sikit pun ada.

"Tapi bila saya sebagai seorang peguam ia jadikan saya seperti orang lain sedikit, ia mengajar saya untuk jadi orang yang tegas sikit. Jadi sebenarnya perwatakan saya ini berbeza dengan apa yang orang lihat sewaktu kerja dan selepas saya kerja," katanya.

Menjadikan majikannya iaitu Amiratul Mardiyah sebagai idola, tujuan graduan urusan Sarjana Muda Undang-Undang di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam ini hanya satu iaitu terus memberikan manfaat kepada orang ramai menerusi perkongsiannya di sosial media.

"Saya nak jadi bijak macam bos saya.


"Bijak yang macam mana itu adalah apabila orang tanya soalan anda dah boleh jawab tanpa merujuk apa-apa semuanya dalam kepala.

"Jadi saya cuba jadi sependai dia, agar saya boleh dapat tolong ramai lagi orang dan mereka boleh mendapatkan manfaat daripada apa yang saya kongsi," ujar Tun Laila kepada Gempak.

Bagi Tun, dia sangat seronok berkongsi maklumat di sosial media kerana warganet mungkin dapat mempelajari sesuatu yang baru dan dapat menambah ilmu yang mungkin mereka tiada.

"Itulah motif saya berada di sosial media, dari asalnya saya buat saja-saja tapi bila ada kesempatan untuk berkongsi kenapa tidak untuk melakukan itu.

"Ilmu ini tidak akan berhenti, jika ada perkara baharu yang kita belajar dan kongsi kepada umum mungkin akan ada orang yang boleh memanfaatkan ilmu yang telah kita kongsi itu," ujarnya. - ASYRAF ROSLAN



Hanya Bebel Dalam Kereta, Tahu-Tahu Nama Naik

Pada masa sama, Tun Laila juga meluahkan rasa tidak percaya apabila berjaya lolos masuk ke Top 5 Content Creator (Motivation & Education) bagi Gempak Most Wanted Awards 2024.

Ujarnya dia tidak langsung memikirkan soal kemenangan kerana baginya calon lain yang turut tersenarai antaranya Cikgu Fathie, Dr. Say dan Adzrin Adzhar sudah cukup hebat.

"Bila dapat tahu saya berjaya tercalon dalam top 5 saya sangat terharu sebab saya memang tidak menjangkakan itu.

"Saya rasa ia adalah satu rezeki untuk saya tercalon sebab saya hanya membebel dalam kereta tahu-tahu nama naik, alhamdulillah.

"Berada bersama dengan mereka dalam kategori itu saya rasa selayaknya bagi kepada mereka untuk menang sebab macam saya kata konten saya ini kadang ada education kadang-kadang tidak tapi apa yang saya boleh katakan saya sangat terharu," katanya.

Bagi Tun Laila jika dia tidak menang untuk kategori tersebut dia tidak akan merasa terkilan dan tetap akan meneruskan perkongsian di media sosial.

Undian fasa kedua, atau pemenang utama bagi setiap kategori boleh dilakukan di laman rasmi www.gempakmostwantedawards.com bermula 15 Januari 2025, jam 6 petang sehingga 23 Februari 2025, jam 12 tengah hari.



Selebriti Dunia Terdedah Ancaman, Dari Dirompak Sampai Dibunuh

'Harga' menjadi terkenal kadangkala perlu dibayar dengan nilai yang terlalu mahal dan tidak seperti diharapkan. Selain menjadi pujaan, selebriti dari seluruh dunia juga dibenci dan sering mendapat ugutan sehingga ada yang mati dibunuh.

Aktor terkenal Bollywood, Saif Ali Khan menjadi mangsa terkini sasaran orang tidak dikenali apabila bukan hanya kediamannya dirompak tetapi dirinya cedera kerana ditikam sebanyak enam kali.

Berikut antara selebriti dunia yang terpaksa melalui episod duka kerana menjadi terkenal.

Tangmo Nida

Pada tahun 2022, bukan hanya industri hiburan Thailand yang dkejutkan dengan khabar kehilangan aktres yang dikenali sebagai Tangmo Nida tetapi seluruh dunia mengikuti rapat insiden yang terjadi ke atasnya.

Media tempatan pada awalnya melaporkan wanita yang saat itu berusia 37 tahun maut selepas terjatuh daripada bot laju di Sungai Chao Phraya. Namun selepas siasatan dijalankan dengan terperinci, kematian Tangmo Nida didakwa mempunyai unsur jenayah.

Mayat Tangmo Nida ditemui dua hari selepas terjatuh manakala pihak polis menahan rakan termasuk pemandu bot atas dakwaan memberi kenyataan palsu dan menghapuskan bukti.

Sidhu Moose Wala

Seorang pemuzik terkenal India, Sidhu Moose Wala maut ditembak pembunuh upahan pada 29 Mei 2022 kerana didakwa terbabit dengan skandal pembunuhan seorang ahli kumpulan gangster sebelum itu.

Menerusi laporan, Wala yang pada saat itu berusia 28 tahun mati ditembak di dalam kereta di sebuah kawasan perkampungan di Jawaharke. Tanpa berselindung, satu geng gangster telah mengaku membunuh Wala menerusi perkongsian dibayar dengan Facebook. Tindakan itu dilakukan sebagai aksi balas dendam.

Janna Nick

Pelakon dan penyanyi Janna Nick tidak terlepas menjadi sasaran ugutan dalam kalangan peminat apabila dirinya pernah mempersendakan bintang Korea Selatan, Lisa Blackpink sebagai Lisa Blackpig untuk satu watak telefilem arahan pertamanya, Delen. Rentetan itu, Janna bukan hanya menerima kritikan tetapi telah diugut bunuh orang orang tidak dikenali sehingga memaksa dirinya membuat laporan polis demi keselamatan diri.

Insiden tersebut berlaku pada 2021 sehingga namanya tular di laman sosial, Twitter dengan tanda pagar #JannaNickGoingToJailParty. Janna bagaimanapun sudah meminta maaf di atas kekhilafan yang tidak disengajakan itu. - MALIAH SURIP



Bukan Kreatif, Hidang Makanan Guna Penyodok & Mangkuk Tandas Menjijikkan

Untuk menarik pelanggan dan menggunakan 'tiket' kreatif, ramai dalam kalangan peniaga akan melakukan apa juga jenis promosi meski ia bersifat di luar kewarasan atau melampau batas. Itulah yang dilakukan oleh sebuah restoran di Aceh, Indonesia yang sedang menjadi perbualan hangat. Hal ini lantaran restoran yang menyajikan menu jenis shell out itu menarik perhatian pelanggan dengan cara tak biasa.

Berdasarkan sebuah video tular di media sosial memaparkan dua pekerja restoran menggunakan penyodok untuk membawa makanan ke meja pelanggan yang telah dialas dengan plastik seperti sajian 'shell out'. Tindakan itu menerima kritikan malah Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Datuk Dr Zainal Ariffin Omar mengingatkan peralatan yang bukan untuk kegunaan makanan ada risiko pencemaran kimia.

Ini beberapa kontroversi yang pernah tercetus daripada cara penyediaan makanan kepada pelanggan



Akuarium Air Balang

Pada bulan puasa 2023, tular video dan foto mengenai ragam peniaga pasar Ramadan di tanah air apabila menjual air balang dalam akuarium.

Meski menyifatkan perbuatannya sebagai kreatif dan hanya mahu menarik minat pelanggan, tindakan tersebut dilihat menjijikkan serta keterlaluan mengenangkan akuarium adalah bekas yang digunakan untuk memelihara ikan.

Malah pihak berkuasa turut melarang penggunaan akuarium sebagai bekas atau balang menjual air kepada orang ramai.




Bakso Dalam Mangkuk Tandas

Sebuah kedai makan di Semarang, Jawa Tengah, Indonesia terlebih dahulu mencuri perhatian beberapa tahun silam dengan teknik promosi yang memualkan.

Kedai makan yang diberi nama Cafe Jamban tersebut menyajikan menu khasnya d dalam dua mangkuk tandas.

Mereka pula hanya menjual bakso yang disiapkan dalam satu mangkuk tandas manakala air sirap buah diletakkan di satu mangkuk lainnya.

Walaupun mendapat kritikan, Cafe Jamban sentiasa penuh dengan pelanggan dan sesiapa yang datang perlu membuat tempahan terlebih dahulu. Pelanggan menyifatkan promosi yang dilakukan restoran tersebut sebagai unik dan tidak mematahkan selera mereka untuk makan.



Hidang Sushi Atas Tubuh Wanita Bogel

Bukan hanya di Jepun namun tradisi menikmati sushi dan sashimi di atas tubuh wanita bogel yang dikenali sebagai Nyotaimori juga sudah terkenal sejak turun temurun.

Mengikut cara penyajian, sushi dan sashimi disusun di atas tubuh wanita bogel yang berbaring di meja makan. Namun tradisi Nyotaimori meletakkan syarat hiasan seperti bunga perlu diletakkan pada bahagian alat sulit dan payu dara wanita.

Meski pemilik restoran menyifatkan mereka menawarkan makanan dalam bentuk seni, tradisi menghidangkan sushi dan sashimi di atas tubuh wanita bogel tetap menimbulkan kritikan termasuk isu kesihatan dan kebersihan pada model yang digunakan. - MALIAH SURIP



Pengarah: Abbey Abimbola

Pelakon: Abbey Abimbola, Khir Rahman, Saiful Apek, Adam Shahz

Genre: Komedi/Seram

Sinopsis: Apabila seorang yang tidak percaya kepada kewujudan hantu dan alam ghaib terjadilah sesuatu yang tidak disangka apabila kejadian yang tidak diingini mulai berlaku!



Pengarah: Syafiq Yusof

Pelakon: Hun Haqem, Ikmal Amry, Syafie Naswip, Noki K-Cligue, Jaa Suzuran, Hafeez Mikail

Genre: Sukan

Filem ini diinspirasi daripada kisah benar tentang perjalanan seorang remaja yang dikenali sebagai Muhammad Faris Zakaria, dia juga dikenal sebagai Soloz untuk melalui cabaran kehidupan sebagai pemain E-sukan profesional.

Game of Life mendedahkan persaingan hebat antara The Boss dengan pasukan dari Singapura, Vengeance. Soloz bersama rakan sepasukannya harus lebih banyak belajar dan bekerja keras dalam manis dan pahitnya kehidupan, nilai persahabatan agar berjaya dalam kemenangan.



Pengarah: Helmi Kardit

Pelakon: Frederika Cull, Samuel Rizal, Ama Gerald, Angga Asyafriena, Kenya Nindia

Genre: Seram

Dini, seorang agen hartanah, memperlihatkan rumah mewah kepada calon pembeli di pada waktu malam ketika dirinya sedang. Kejadian aneh mulai mengganggu proses penjualan. Sesosok makhluk menyeramkan muncul dengan niat mengambil bayi yang dikandungnya. Dini harus berjuang untuk melindungi dirinya dan bayi dalam kandungannya.

Meerqeen, Malia, Puas Sudah Dominasi Kedudukan Teratas Top 5 GMWA 2024!

Pelakon kakak Meerqeen menduduki carta teratas dalam kategori Selebriti Tergempak diikuti rapat Erysa Emyra, Anna Jobling dan Scha Elinnea. Manakala, kategori Digital Creator (Beauty & Fashion) didominasi oleh undian dari peminat Malia, diikuti Agy dan seterusnya Sofea Shra.

Lagu Puas Sudah nyanyian Aina Abdul pula menduduki tangga teratas kategori Video Muzik Tergempak dan PodcaSTERK (Keputusan SPM 7G) berada di kedudukan selamat untuk kategori Program Digital Tergempak.

Undian fasa kedua atau pemenang utama bagi setiap kategori boleh dilakukan di laman rasmi www.gempakmostwantedawards.com bermula 15 Januari 2025, jam 6 petang sehingga 23 Februari 2025, jam 12 tengah hari.

Mengekalkan format yang sama, pemenang setiap kategori akan diumumkan pada malam anugerah GMWA 2024 kelak.

GMWA 2024 bakal berlangsung secara LIVE pada 23 Februari 2025 dari Auditorium MBSA, Shah Alam, eksklusif di saluran Astro Ria (104), On Demand, Astro GO dan sooka.



Semak kedudukan terkini Top 5 GMWA 2024:

KEDUDUKAN TERKINI SELEBRITI TERGEMPAK

1. Meerqeen
2. Erysha Emyra
3. Anna Jobling
4. Scha Elinnea
5. Amir Ahnaf

KEDUDUKAN TERKINI DIGITAL CREATOR (BEAUTY & FASHION) TERGEMPAK


1. Malia
2. Agy
3. Sofea Shra
4. Hawa Johanis
5. Yanaa Hassan

KEDUDUKAN TERKINI VIDEO MUZIK TERGEMPAK


1. Puas Sudah - Aina Abdul
2. Belum Mulai - Insomniacks & Nabila Taqiyyah
3. Masing - Masing - Ernie Zakri & Ade Govinda
4. Classic - Dolla
5. OMK - Zubir Khan ft Ezra Kairo

KEDUDUKAN TERKINI PROGRAM DIGITAL TERGEMPAK

1. PodcaSTERK - Keputusan SPM 7G
2. Dol's Podcast - EP05 (Part 3)
3. Confession Bilik Gelap - Aina Abdul
4. Seram Selebriti Fadhli Masoot
5. Sembang Seram Janna Nick



Astro Kembali Dengan 'From KL to PL' Musim Kedua



Astro kembali dengan musim kedua rancangan travelog sukan 'From KL to PL', hasil kerjasama dengan Liga Perdana Inggeris.

Rancangan ini, yang bersiaran setiap Khamis jam 11.00 malam mulai 23 Januari 2025 di Astro Ria, Astro GO, dan sooka, menampilkan misi selebriti tempatan menjelajah England.

Musim ini menyaksikan Nabil Ahmad, pemain bola sepak wanita Intan Serah, wartawan sukan Abang Med, dan pelakon Mierul Aiman menghadapi cabaran unik.

Mereka diundang untuk menyempurnakan sepakan penalti melawan pemain bola profesional misteri di England. Jika berjaya, mereka berpeluang menyaksikan perlawanan epik Liga Perdana Inggeris.

One Cent Thief 2 Lebih Bahaya, Mendebarkan!


Astro Originals kembali dengan 'One Cent Thief' Musim 2, sebuah siri 8 episod yang akan bersiaran mulai 31 Januari 2025 di On Demand, Astro GO, Astro Citra, Astro Ria, dan sooka.

Musim terbaru ini membawa isu moral, konflik keluarga, integriti, serta manipulasi undang-undang, dengan fokus pada dunia perbankan digital dan perubahan wang haram berskala besar.

Siri ini menyaksikan Iman Shah (Syafiq Kyle) berusaha menjatuhkan Ibu Zara (Sofia Jane), seorang kartel dadah yang kini berkuasa dalam politik.

Bersama kumpulan penggadam Digital Karma, mereka merancang misi besar untuk merompak wang haram dan mengagihkannya kepada rakyat. Siri ini turut mengetengahkan isu kebocoran data dan keganasan siber yang relevan dengan dunia moden.

Diterbitkan oleh Astro Shaw dan Independant Pictures, musim kedua diarahkan oleh Ariff Zulkarnain dan Alfie Palermo, serta disokong oleh jenama Goodday Charge.



ERA & Leeyana Rahman Peraga Fesyen Raya

ERA, stesen radio No. 1 Malaysia, berkolaborasi dengan jenama fesyen terkenal, Leeyana Rahman, untuk pertunjukan fesyen eksklusif di Stadium Merdeka sempena Aidilfitri 2025. Koleksi ini memaparkan pakaian lelaki, wanita, dan tudung eksklusif dengan tema warna pastel dan gaya elegan.

Antara penyampai ERA yang tampil di pentas peragaan Leeyana Rahman ialah Azad Jasmin, Fazziq, Syazwan, Safee Sali, Shasha & Isha Norsham.

Jenama Leeyana Rahman, diasaskan pada 2012, terkenal dengan fesyen inovatif dan harga mampu milik.

Acara ini dimeriahkan oleh persembahan artis seperti DOLLA dan Ismail Izzani.



Melly Goeslaw Bakal Hidupkan Nostalgia Prom Nite

Penyanyi Indonesia, Melly Goeslaw, akan menghiburkan peminat di Malaysia melalui Konsert Ada Apa Dengan Melly...? Prom Nite pada 31 Mei di Axiata Arena Bukit Jalil.

Konsert bertemakan Prom Nite ini menjanjikan gimik istimewa yang belum pernah dilakukan di mana-mana konsert sebelumnya.

Konsert kali ini melanjutkan siri tematik Melly, selepas konsep Back To School dan Malam Graduasi sebelumnya. Penonton digalakkan tampil all out dengan busana 70-an atau vintage, kerana pemenang Prom King dan Prom Queen akan dipilih di akhir acara.

Melly akan membawakan lagu-lagu hits dari era tersebut dan berkolaborasi dengan artis ternama Indonesia serta mengundang artis tempatan pilihan peminat. Tiket tersedia di www.ticket2u.com.my dengan harga bermula RM 228 hingga RM558.





Mad Noor
@dodosentoso ✓

Tahu Tak, Nak Kahwin Kena Check Thalasemia Dulu?

Perkahwinan bukan sekadar cinta, tetapi juga melibatkan kesihatan keluarga masa depan.

Salah satu risiko yang perlu diberi perhatian ialah thalasemia, penyakit darah keturunan yang boleh menyebabkan masalah serius seperti anemia dan keperluan transfusi darah sepanjang hayat.

Apa Itu Thalasemia? Thalasemia ialah gangguan genetik yang menghalang penghasilan hemoglobin normal, penting untuk membawa oksigen dalam darah. Terdapat dua jenis utama:


- Thalasemia Minor (Carrier): Tidak menunjukkan simptom tetapi pembawa gen penyakit.
- Thalasemia Major: Serius, memerlukan rawatan transfusi darah seumur hidup.

Kenapa Ujian Thalasemia Penting Sebelum Kahwin? Jika kedua-dua pasangan pembawa, ada risiko 25% anak mendapat thalasemia major. Ujian darah seperti Full Blood Count (FBC) dan Hb Analisis dapat mengenal pasti status pembawa.

Langkah Jika Pembawa:

- Dapatkan kaunseling genetik.
- Periksa anak lebih awal untuk pencegahan.

Melakukan ujian sebelum berkahwin bukan menyusahkan, tetapi langkah bijak untuk mengelakkan risiko besar dan kos rawatan tinggi di masa depan. Lindungilah kesihatan pasangan dan anak-anak anda dengan membuat keputusan yang tepat.






Tengku Permaisuri Selangor Launches Telepuk Heritage Book

Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin, launched the book *Telepuk, Forgotten Flowers of Gold* on January 15, 2025, at the Raja Tun Uda Library in Shah Alam.

The book, an updated English version of *Telepuk, Bunga-Bunga Emas Yang Dilupai*, was published to preserve the endangered art of telepuk.

Led by Yayasan Hasanah and the Langkasuka Movement, the project aims to document and celebrate this traditional Malay heritage for future generations.




Malaysian Couple Swaps Wedding Cake For Giant Burger

A Malaysian couple chose a unique wedding centerpiece by replacing the traditional cake with a giant 15kg burger.

The two-tiered burger was made by J6Juniors Burger, a business based in Klang, and delivered to the wedding.

The idea received praise online for its creativity and practicality, with many appreciating the fun twist and lack of waste. Some even suggested other foods like sushi or shawarma for similar celebratory alternatives.



Viral Trio: Meet The Pretty Mamas, Taking Over Social Media

Three Malaysian aunties, Aunty Zizah (65), Aunty Zu (63), and Aunty Ann (67), are breaking age stereotypes by creating fun social media content as "The Pretty Mamas".

Their journey started in October 2024, encouraged by Aunty Zu's daughter. Their first TikTok video went viral, gaining 1.6 million views in just 24 hours.

Despite challenges with technology, the trio enjoys sharing food adventures and life experiences online, with help from Aunty Zu's daughter for ideas and editing. They've received great support from followers and families, inspiring others to follow their passions at any age.

Read more at www.rojakdaily.com.